



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI AGENSI NEGERI PERLIS TAHUN 2018 SIRI 2

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 dibentangkan secara bersiri sebanyak dua (2) kali. LKAN Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 (Isnin) manakala LKAN Siri 2 pada 2 Disember 2019 (Isnin) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN Tahun 2018 Siri 1 telah dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Perlis pada 10 Disember 2019 (Selasa). LKAN Tahun 2018 Siri 2 pula akan dibentangkan pada 20 Mei 2020 (Rabu) setelah mendapat persetujuan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis.

2. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

2.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Negeri

- a. Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh

mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- b. Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak satu (1) pengauditan prestasi telah dilaksanakan terhadap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) bagi Aktiviti Hartanah Komersial. Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan hartanah komersial PKENPs tidak diuruskan dengan cekap. Objektif dan sasaran yang ditetapkan juga tidak dapat dicapai sepenuhnya. Kedua-dua pelan dan pembangunan strategik PKENPs yang disediakan sebagai sasaran pengurusan hartanah komersial adalah kurang realistik. Sasaran pembangunan hartanah telah dibuat tanpa mengambil kira sumber kewangan, pelabur yang berpotensi dan permintaan pasaran yang sebenar.
 - c. Setakat 31 Julai 2019, dianggarkan berlaku pembaziran berjumlah RM10.91 juta akibat projek pembangunan yang tidak ekonomik iaitu Projek Halal Park (RM7.79 juta) serta Projek Easy Shop (RM3.12 juta). Seterusnya, dianggarkan PKENPs kerugian hasil berjumlah RM3.4 juta akibat pengurangan kadar harga jualan bagi Tanah Industri Pauh berbanding harga yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah.
3. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan empat (4) syor terhadap pengurusan Aktiviti Hartanah Komersial untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

4. LKAN Tahun 2018 Siri 2 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 20 Mei 2020 selepas jam 10 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my. Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Media, Aras 3, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.

Ketua Audit Negara

20 Mei 2020